



## Jentera UMNO perlu fahami isu, masalah setempat untuk menangi hati pengundi

Oleh [Ainal Marhaton Abd Ghani](mailto:bhnews@bh.com.my) - Oktober 2, 2022 @ 9:28pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Ketua Penerangan UMNO Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad bersalaman dengan peserta pada Program Gerak Kerja Penerangan dan Media DUN Sungai Lembing anjuran UMNO Bahagian Paya Besar di Felda Bukit Kuantan.

KUANTAN: Jentera penerangan UMNO dinasihatkan supaya tidak bersikap semberono dalam berceramah tanpa memahami isu dan masalah dihadapi penduduk setempat.

Ketua Penerangan UMNO Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad, berkata jentera parti perlu bekerja secara proaktif dan bukan bertugas menyampaikan maklumat sahaja

"Apa isu setempat yang berbangkit, kita perlu fahami masalah dan kehendak mereka. Kita kaji dahulu baru kita bercakap supaya bertepatan dengan kehendak dan keperluan mereka.

"Selepas kita bercakap baru mereka ada selera nak mengundi. Mereka jadi minat nak mengundi Barisan Nasional (BN)," katanya ketika berucap pada Program Gerak Kerja Penerangan dan Media DUN Sungai Lembing di Dewan Semai Bakti, Felda Bukit Kuantan di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua UMNO Bahagian Paya Besar, Datuk Ahmad Tajudin Sulaiman.

Syed Ibrahim yang juga Exco Kerajaan Negeri Pahang, berkata jika ada masalah yang tidak boleh diselesaikan, pihaknya akan meminta bantuan pihak yang berkaitan dengan isu berbangkit.

"Bila kita sudah tahu dan tidak boleh selesaikan, kita berpakat dengan pihak berkaitan, agihan bantuan akan disegerakan. Ini cara kita buat kerja. Memenangi hati pengundi.

"Kita hadir untuk memberi penerangan sambil menyelesaikan isu dengan penuh bijaksana. Pendekatan itu membolehkan kedatangan kita membuatkan pengundi rasa seronok dan sayang, seterusnya rasa nak mengundi," katanya.

Beliau yang juga ADUN Kerdau, turut mengingatkan jentera penerangan UMNO supaya tidak membawa sentimen negatif.

"Jangan kempen secara memburukkan calon. Kita berjuang bukan peribadi orang walaupun kita tahu pengundi melihat calon. Orang mengundi tengok calon.

"Kita berkempen bukan menampakkan tokoh dan individu semata-mata tetapi menampakkan imej perjuangan parti BN," katanya.

Beliau mengingatkan jentera penerangan UMNO termasuk di peringkat akar umbi supaya lebih proaktif dalam menyebarkan maklumat dengan lebih berkesan.

Sementara itu, Ketua Penerangan 2 UMNO Bahagian Paya Besar, Norjubaidi Chamkari, berkata program itu diadakan bagi memberi pendedahan dan pemantapan di peringkat akar umbi, terutama dalam menangkis isu berbangkit.

"Isu dan maklumat berbaur firnah ini yang mengalahkan kita ketika PRU-14, fitnah yang berulang-ulang seolah-olah menjadi perkara benar.

"Jentera penerangan UMNO inilah yang akan 'turun padang' menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan terperinci kepada pengundi," katanya.